



# International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education

<https://www.akademiarbaru.com/submit/index.php/frle/index>

ISSN: 2462 - 1951



## Merentasi Pengajaran Tradisional: Satu Kerangka Konseptual Transformasi Pembelajaran Teradun terhadap Kemahiran Membaca Melalui Modul I-Saboba di Prasekolah

## *Beyond Traditional Teaching: A Conceptual Framework for the Transformation of Blended Learning towards Reading Skills Through the I-Saboba Module in Preschools*

Arulmozhi A/p Narayanasamy<sup>1,\*</sup>, Anis Norma Mohamad Jaafar<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

### ABSTRACT

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengemukakan satu kerangka konseptual yang memperincikan transformasi pembelajaran teradun terhadap kemahiran membaca melalui penggunaan "Modul I-Saboba" yang berintegrasikan konsep belajar melalui bemain dan teknologi terkini. Pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam pembangunan kemahiran asas kanak-kanak. Kemahiran asas dalam pendidikan prasekolah di Malaysia terbahagi kepada empat kemahiran termasuk kemahiran membaca yang dianggap aspek penting dalam mencapai kejayaan akademik seseorang murid. Ketidakupayaan membaca merupakan antara cabaran serius dalam pendidikan dan menjadi semakin serius akibat pandemik COVID-19 yang boleh menghambat perkembangan akademik kanak-kanak. Menanggapi isu ini, penyelidikan ini menggariskan satu kerangka konseptual bagi transformasi pengajaran kemahiran membaca melalui "Modul I-Saboba". Dengan latar belakang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menekankan kemahiran asas 4M dan penekanan yang diberikan kepada kemahiran membaca dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), serta ketiadaan modul pengajaran khusus untuk kemahiran membaca dalam pendidikan prasekolah, penyelidikan ini meneliti keperluan untuk mengubah cara pengajaran kemahiran membaca dalam pendidikan prasekolah. Penyelidikan ini menyoroti keperluan pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca yang berkesan dalam pendidikan prasekolah. Kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam penyelidikan ini, berpaduan peringkat model ADDIE, dengan menggunakan pendekatan kuasi eksperimen untuk mencapai objektif penyelidikan. Data daripada pelbagai sumber, termasuk penyelidikan lepas dan permasalahan semasa, menyumbang kepada pembentukan kerangka konseptual yang menjadi asas kepada pembangunan "Modul I-Saboba" untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid prasekolah. Secara keseluruhan, diharapkan "Modul I-Saboba" yang mengintegrasikan konsep belajar melalui bemain, dan teknologi terkini berpotensi sebagai alat pembelajaran yang mampu merentasi pengajaran tradisional dengan menekankan penguasaan kemahiran membaca murid-murid prasekolah dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan mencabar. Di samping itu, penyelidikan ini juga menekankan pentingnya menyediakan sumber pembelajaran yang berkualiti dan berkesan dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan yang mampu bersaing di peringkat global. Diharapkan hasil penyelidikan ini dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam meningkatkan keberkesanannya pengajaran kemahiran membaca melalui "Modul I-Saboba" dalam pembelajaran teradun, serta merangsang minat dan potensi murid-murid prasekolah dengan cara yang lebih terstruktur dan efektif.

*This research aims to present a conceptual framework that details the transformation of blended learning towards reading skills by using the "I-Saboba Module" which integrates learning through play and the latest technology. Preschool education plays an important role in developing children's basic skills. Basic skills in preschool education in Malaysia are divided into four, including reading skills, which are considered important aspects in achieving academic success for a student. The inability to read is one of the serious challenges in education and is becoming more serious due to the COVID-19 pandemic, which can hinder children's academic development. Responding to this issue, this research outlines a conceptual framework for the transformation of teaching reading skills through the "I-Saboba Module". With the background of the Malaysian Education Development Plan (PPPM), which emphasizes*

\* Corresponding author.

E-mail address: arulragu17@gmail.com

*the 4M basic skills and the emphasis given to reading skills in the National Preschool Standard Curriculum (KSPK), as well as the absence of specific teaching modules for reading skills in preschool education, this research examines the need to change the way teaching reading skills in preschool education. This research highlights the need to develop effective reading skills teaching modules in preschool education. A combination of qualitative and quantitative methods is used in this research, guided by the stages of the ADDIE model, by using a quasi-experimental approach to achieve the research objectives. Data from various sources, including past research and current problems, contribute to forming a conceptual framework that is the basis for developing the "I-Saboba Module" to improve the mastery of reading skills among preschool students. Overall, it is hoped that the "I-Saboba Module" that integrates the concept of learning through play and the latest technology has the potential to be a learning tool capable of going beyond traditional teaching by emphasizing the mastery of preschoolers' reading skills in a fun and challenging learning environment. In addition, this research emphasizes the importance of providing quality and effective learning resources to improve the quality of education so that it can compete at the global level. It is hoped that the results of this research can significantly contribute to increasing the effectiveness of teaching reading skills through "I-Saboba Module" in blended learning, as well as stimulating the interest and potential of preschool students in a more structured and effective way.*

**Keywords:**

Kemahiran membaca; pendidikan prasekolah; Modul I-Saboba; pembelajaran teradun; teknologi terkini  
*Reading skills; preschool education; I-Saboba Module; blended learning; latest technology*

Received: 1 March 2024

Revised: 20 March 2024

Accepted: 24 March 2024

Published: 30 April 2024

## 1. Pengenalan

Pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam perkembangan kognitif dan sosial individu yang berfungsi sebagai asas untuk pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan [3]. Pendidikan prasekolah memainkan peranan yang cukup besar dalam sistem pendidikan kerana ia menyediakan murid-murid dengan kemahiran penting, meningkatkan keyakinan diri mereka, dan memupuk sikap optimis terhadap pembelajaran. Komunikasi yang berkesan, terutamanya penguasaan bahasa dalam bentuk lisan dan bertulis, adalah penting untuk murid-murid prasekolah mengekspresikan diri mereka secara berkesan. Penguasaan bahasa Melayu dikenakan sebagai komponen utama dalam pendidikan prasekolah. Membangunkan kemahiran membaca juga turut ditekankan bagi meningkatkan komunikasi lisan dan literasi murid-murid dalam proses menyediakan mereka untuk melanjutkan pelajaran di sekolah rendah dan peringkat yang seterusnya. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi penekanan yang ketara terhadap kepentingan penguasaan membaca dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Penguasaan ini disifatkan penting untuk murid prasekolah sebagai persediaan mereka untuk melanjutkan pelajaran di sekolah rendah dan seterusnya [3].

PPPM 2013–2015 merupakan satu inisiatif penting yang memberi tumpuan utama kepada kemahiran asas 4M yang merangkul kemahiran membaca, menulis, mengira, dan menaakul. Tujuan aspirasi murid dalam PPPM ini adalah bertujuan untuk memperkasakan sistem pendidikan negara dengan memberikan tumpuan kepada pengetahuan asas. Ini sejajar dengan keperluan murid untuk menguasai kemahiran literasi dan numerasi yang komprehensif, yang merupakan komponen penting dalam kemahiran asas 4M [1]. Literasi dan numerasi dalam konteks ini bukan hanya merujuk kepada kebolehan membaca, menulis, atau mengira, tetapi juga melibatkan pemahaman dan penggunaan maklumat untuk membuat keputusan dalam kehidupan sehari-hari [2]. Oleh itu, memfokuskan pada kemahiran asas 4M dalam PPPM adalah antara tindakan penting yang diambil oleh KPM dalam mempersiapkan murid untuk menghadapi cabaran pada masa depan.

Walaupun terdapat beberapa penyelidikan yang telah dijalankan ke atas penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu di SJK [7,8,13] serta penyelidikan dalam pendidikan prasekolah aliran cina

untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca yang dilaksanakan oleh Fong [10] dan Jie dan Mat [31], namun masih tiada penyelidikan khusus yang dijalankan dalam pendidikan prasekolah SJKT untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Penyelidikan lepas memberi fokus kepada kepentingan penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid SJK dalam memartabatkan bahasa Melayu. Faktor yang dianggapi mempengaruhi penguasaan kemahiran membaca telah diteroka dalam penyelidikan lepas dan salah satu faktornya ialah pendekatan guru dalam pengajaran kemahiran membaca. Terdapat jurang penyelidikan dan jurang populasi yang perlu dititikberatkan untuk merungkai masalah penguasaan kemahiran membaca bermula pendidikan prasekolah. Oleh itu, penyelidikan ini menyumbang kepada bidang penyelidikan pendidikan prasekolah yang berfokus pada tunjang komunikasi, bahasa Melayu dalam usaha mengoptimumkan potensi murid-murid prasekolah SJKT terhadap penguasaan kemahiran membaca.

## 2. Pernyataan Masalah

Kelemahan dalam penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid telah menjadi isu pendidikan yang semakin serius dalam tiga tahun terakhir, terutamanya setelah penutupan sekolah akibat pandemik COVID-19. Isu ini merupakan masalah yang serius dan harus diatasi dengan segera. Menurut penyelidikan yang telah dijalankan oleh Balanadam *et al.*, [4] dari Universiti Kebangsaan Malaysia, terdapat beberapa faktor yang menyumbang terhadap masalah membaca dalam kalangan murid sekolah kerajaan di Malaysia. Faktor-faktor tersebut termasuklah faktor individu, psikologi, kaedah pengajaran guru, masa pengajaran, dan persekitaran. Selain itu, [5] juga berpendapat bahawa pengetahuan asas tentang membaca dan menulis, persekitaran, dan kaedah yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) antara isu yang dihadapi oleh murid-murid dalam meningkatkan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu.

Menurut Husin *et al.*, [7], penyelidik di Malaysia telah menjalankan penyelidikan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kepada murid-murid bukan penutur natif bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penyelidikan yang terkini yang memberi fokus kepada masalah dan cabaran yang dihadapi oleh murid dalam kemahiran membaca dan menulis, terutamanya yang berada di tahun pertama adalah kurang. Kekurangan penyelidikan ini dilihat membimbangkan kerana ramai murid tahun satu, terutamanya mereka yang bukan penutur natif bahasa Melayu, bergelut dengan kemahiran bahasa Melayu termasuklah aktiviti membaca dan menulis. Penting bagi murid-murid untuk menguasai dan mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran ini sebelum memulakan pendidikan formal di tahun satu. Isu ini disokong oleh data penyelidikan yang diperoleh oleh Husin *et al.*, [8] yang menjelaskan tahap penguasaan murid bukan penutur natif di SJK berada dalam tahap sederhana dan kebanyakan murid tahap dua masih tidak memahami sepenuhnya kemahiran asas membaca dan menulis dalam bahasa Melayu. Beliau juga berpendapat bahawa penyelidikan yang tertumpu kepada penguasaan bahasa Melayu kepada murid sekolah rendah bukan penutur natif bahasa Melayu harus dilaksanakan untuk menyediakan persediaan awal sebagai langkah meningkatkan tahap menguasai kemahiran membaca. Ini menunjukkan bahawa, terdapat keperluan untuk medalmi dan memahami pelbagai persepsi mengenai isu penguasaan kemahiran membaca yang merupakan jurang penyelidikan yang perlu diatasi dan keperluan merentasi pengajaran tradisional yang memerlukan transformasi dalam PdPc kemahiran membaca.

Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, perhatian terhadap isu kemahiran membaca telah meningkat dalam sistem pendidikan, terutama setelah penutupan sekolah akibat pandemik COVID-19. Walaupun masyarakat kini berada dalam fasa endemik, adalah penting untuk tidak mengabaikan

kepentingan isu ini kerana pandemik COVID-19 telah memberikan cabaran yang tidak pernah terjadi sebelumnya dan memerlukan kesediaan guru untuk mengatasi cabaran yang akan datang [30].

Implikasi dari isu penguasaan kemahiran membaca dapat dilihat melalui data yang diperoleh dari jawapan lisan KPM bahawa 6.03 peratus atau 117,656 daripada 1,948,975 murid sekolah rendah di seluruh negara belum menguasai tahap penguasaan (TP) minimum, iaitu TP1 dan TP2 bagi mata pelajaran bahasa Melayu berdasarkan data Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang dikumpulkan pada 16 Mac 2023. Data ini menimbulkan kebimbangan serius dalam sistem pendidikan dan dalam kalangan guru. Isu ini tidak hanya memberi kesan terhadap prestasi akademik murid, tetapi juga mempengaruhi keupayaan mereka untuk berfungsi secara efektif dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil tindakan proaktif dalam menangani isu ini. Penyelidikan yang menekankan perlunya meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca sejak pendidikan prasekolah adalah penting untuk memperbaiki keadaan ini. Penyelidikan terdahulu seperti yang dijalankan oleh Baharudin dan Masnan [9], Fong [10], Roslin dan Adenan [11] dan Bacotang *et al.*, [12] telah menunjukkan bahawa penggunaan modul yang mengintegrasikan konsep belajar melalui bermain dan ICT telah memberikan kesan yang signifikan dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran membaca sejak peringkat prasekolah. Dengan mengambil kira penemuan ini, langkah-langkah yang berkesan perlu diambil untuk merangka modul pengajaran dan strategi pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran membaca murid-murid seawal yang mungkin. Langkah ini adalah penting untuk memastikan murid-murid memiliki asas yang kukuh dalam kemahiran membaca yang akan memberikan impak positif terhadap perkembangan mereka sebagai individu yang berdaya saing dalam masyarakat pada masa akan datang.

### 3. Tujuan Penyelidikan

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengemukakan satu kerangka konseptual yang memaparkan transformasi pengajaran kemahiran membaca melalui penggunaan “Modul I-Saboba” yang berintegrasikan konsep belajar melalui bermain, teknologi terkini, serta penerapan dalam pembelajaran teradun. Pendidikan prasekolah memainkan peranan penting dalam pembangunan kemahiran asas kanak-kanak selari dengan pendidikan prasekolah di Malaysia yang menekankan kepentingan pembangunan kemahiran asas, termasuk kemahiran membaca, yang merupakan aspek penting dalam kejayaan akademik murid-murid. Ketidakupayaan membaca merupakan salah satu cabaran serius dalam bidang pendidikan dan semakin menjadi-jadi akibat daripada kesan pandemik COVID-19 yang berpotensi menghalang perkembangan akademik murid-murid. Menanggapi isu ini, penyelidikan ini telah menggariskan satu kerangka konseptual bagi transformasi pengajaran kemahiran membaca melalui “Modul I-Saboba”. Dengan merujuk kepada PPPM 2013–2015 yang menekankan konsep kemahiran asas 4M dan kepentingan kemahiran membaca dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), serta ketiadaan modul pengajaran kemahiran membaca yang khusus dalam pendidikan prasekolah, adalah menjadi suatu keperluan untuk meneliti pentingnya transformasi dalam pengajaran kemahiran membaca dalam pendidikan prasekolah. Oleh itu, penyelidikan ini menyoroti keperluan pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca yang berkesan dalam pendidikan prasekolah. Penyelidikan ini juga membuka peluang untuk meluaskan lagi penyelidikan dalam isu kemahiran membaca yang kerap diperkatakan dan kebelakangan ini semakin hangat. Penemuan daripada penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan penting terhadap tunjang komunikasi, bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah.

#### 4. Tinjauan Literatur

##### 4.1 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merupakan langkah pertama dalam memperluaskan pengetahuan dan mengembangkan kebolehan seseorang. Perkembangan dan penguasaan kebolehan membaca merupakan komponen penting dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa. Membaca adalah satu kebolehan yang penting kerana ia membolehkan pembaca berkomunikasi dan memperoleh pemahaman bersama. Kemahiran membaca telah dicirikan sebagai melibatkan unsur kognisi visual, pemprosesan pendengaran, makna seperti yang dialami, dan penjelasan makna. Kemahiran membaca juga melibatkan kebolehan memahami dan memahami teks bertulis. Selain itu, kemahiran membaca juga merujuk kepada kebolehan untuk memahami dan menguraikan bahan bertulis untuk mengekstrak makna dan mendapatkan pandangan daripadanya.


Model kemahiran membaca yang ditekankan dalam DSKP menitikberatkan pelbagai komponen kebolehan membaca seperti sebutan, intonasi, kelancaran, dan jeda yang betul, di samping mengintegrasikan kemahiran bahasa lain. Model ini menekankan pentingnya pemahaman dan analisis kritis ketika berinteraksi dengan pelbagai jenis teks melalui penerapan strategi membaca yang berbeza [13]. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa murid cemerlang lebih kerap mengamalkan strategi kemahiran membaca berbanding murid lemah. Faktor utama yang mempengaruhi kemahiran membaca murid yang lemah termasuklah sikap dan minat murid terhadap penguasaan bahasa Melayu serta peranan guru dalam mempelbagai cara pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Strategi dan kemahiran asas membaca adalah penting bagi membina pemahaman yang tepat terhadap setiap teks yang dibaca [14]. Oleh itu, penguasaan kemahiran membaca merupakan aspek yang penting untuk memahami dan menyerap maklumat dengan lebih jelas.

Secara keseluruhan, kemahiran membaca memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran dan penguasaan bahasa. Ia memerlukan latihan dan komitmen, serta sokongan dari guru dan ibu bapa. Dengan strategi yang sesuai dan sumber yang tepat, kemahiran membaca dapat ditingkatkan, dan seterusnya dapat membantu murid-murid memahami, menguasai dan bertutur bahasa Melayu dengan lebih yakin dan baik.

##### 4.2 Teori Pembelajaran


###### 4.2.1 Teori Sosiobudaya Vygotsky (1978)



Rajah 1. Teori Sosiobudaya Vygotsky

Tiga konsep penting mengenai pendidikan awal kanak-kanak telah diterangkan oleh ahli psikologi Rusia Vygotsky [15]. Konsep pertama menekankan pentingnya menerima bimbingan lisan daripada

orang yang lebih berpengetahuan. Peranan bimbingan lisan ini dalam pembangunan peraturan kendiri telah dikaji secara menyeluruh. Konsep ini juga menjadi asas kepada pendidikan awal kanak-kanak. Konsep kedua mengaitkan pengajaran dalam zon perkembangan proksimal, di mana guru membantu murid memperoleh kemahiran baru. Konsep ketiga membahaskan penggunaan permainan drama berpandukan penggantian objek. Ini telah digunakan dalam pendidikan perkembangan kanak-kanak autisme tetapi telah diabaikan sebagai aktiviti yang penting dalam program prasekolah biasa. Menurut Vygotsky [16], perkembangan bahasa dan pemikiran adalah selari sehingga umur tiga tahun. Selepas umur tiga tahun, bahasa berfungsi sebagai alat untuk perkembangan fungsi mental yang lebih tinggi, seperti pemikiran. Ini kerana, "makna perkataan" adalah subjek analisisnya apabila beliau mengkaji hubungan antara bahasa dan pemikiran serta cara ia dibina dalam perkembangan kanak-kanak [17]. Beliau juga berpendapat bahawa, perkataan tidak hanya menggambarkan pemikiran, tetapi juga membentuknya. Apabila kanak-kanak memahami bahawa terdapat hubungan antara perkataan dan objek, proses pemberian makna perkataan bermula. Proses ini sangat kompleks. Rajah 1 menjelaskan Vygotsky berpendapat bahawa pemikiran aras tinggi memerlukan peraturan kendiri dan pemahaman konsep dan corak untuk mencipta makna baharu, bukannya guru mengisi minda murid dengan maklumat yang perlu diingat [32]. Oleh itu, Vygotsky membincangkan struktur teks sebagai asas teori sosiobudaya yang membantu pembacaan [33].




**Rajah 2.** Zon Perkembangan Proksimal (ZPD)

Konsep zon perkembangan proksimal dalam *scaffolding* merupakan sumbangan utama teori ini. *Scaffolding* membantu murid menangani tugas yang lebih mencabar dengan bantuan guru, dalam masa dan lokasi tertentu yang disebut sebagai Zon Perkembangan Proksimal (ZPD). Rajah 2 menjelaskan bagaimana *scaffolding* membantu Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dalam perkembangan bahasa. Guru memberi bimbingan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui penyoalan dan interaksi yang membina. Pada mulanya, guru menawarkan bimbingan terus kepada murid-murid, secara beransur-ansur mengurangkannya apabila tahap penguasaan murid meningkat. Akhirnya, matlamatnya adalah agar murid dapat menguasai kemahiran baharu secara berdikari.

Penyelidikan ini menumpukan pada Teori Pembelajaran Vygotsky dalam membangunkan "Modul I-Saboba" kerana Vygotsky memperkenalkan konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) yang merupakan jurang antara kemampuan murid dengan bantuan dan tanpa bantuan. Menurut Vygotsky, murid-murid akan meniru orang dewasa dan secara beransur-ansur memperoleh keupayaan untuk menyelesaikan tugas tertentu dengan sendiri. "Modul I-Saboba" yang dibangunkan dalam penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk membantu murid-murid prasekolah menguasai kemahiran membaca dengan lebih teratur dan berkesan dalam


persekitaran PdPc yang lebih menarik dengan berintegrasikan konsep belajar melalui bermain dan teknologi terkini.

#### 4.2.2 Teori Robert Gagne [35]



**Rajah 3.** Teori Robert Gagne [35]

Teori pembelajaran kognitif *Gagne* menjelaskan bahawa pembelajaran melibatkan perubahan maklumat yang disimpan dalam ingatan individu [34]. Menurut teori ini, perubahan tersebut tidak hanya bersifat sementara, tetapi mesti dapat dipertahankan dalam tempoh masa yang tertentu [6]. Perubahan ini mesti dibezakan daripada jenis perubahan yang dikaitkan dengan pertumbuhan seperti perubahan ketinggian atau perkembangan otot melalui senaman. Ini kerana manusia menyerap dan memproses maklumat yang diterima melalui deria dengan cara yang serupa dengan pemprosesan maklumat oleh komputer. Proses perancangan melibatkan penerimaan maklumat oleh penderiaan dan proses ingatan jangka pendek. Kemudian, maklumat yang dijana akan disimpan dalam ingatan jangka panjang atau digunakan untuk bertindak dengan persekitaran yang mempamerkan proses pembelajaran. Tambahan pula, pembelajaran berlaku apabila murid berusaha memahami arahan guru dan ia merangsang kebolehan kognitif murid melalui input daripada persekitaran pembelajaran seterusnya mencetuskan perubahan. Input kepada murid juga boleh menggunakan bantuan media sebagai alat untuk menyampaikan mesej penting. *Gagne* mencadangkan terdapat sembilan jenis pembelajaran [18] seperti ditunjukkan dalam rajah 4.




**Rajah 4.** Sembilan jenis pembelajaran Robert Gagne [35]

Oleh sebab itu, sekiranya guru tidak menentukan secara jelas objektif dan jenis pembelajaran sebelum mengajar, objektif PdPc akan menjadi sukar untuk dicapai [19]. Teori ini memberi penekanan kepada pendekatan yang sistematis dan teratur terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Teori ini juga turut membuat andaian bahawa terdapat tiga komponen penting dalam pembelajaran iaitu keadaan dalaman, keadaan luaran dan hasil pembelajaran seperti dinyatakan dalam rajah 3. Faktor dalaman yang mempengaruhi pencapaian pembelajaran adalah terdiri daripada segala yang ada pada diri murid seperti efikasi kendiri dan motivasi untuk belajar. Manakala faktor luaran yang datang dari luar murid adalah seperti persekitaran pembelajaran.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan sembilan langkah pengajaran Robert Gagne [35] untuk merancang dan membangunkan “Modul I-Saboba”. Ini adalah salah satu usaha untuk mencipta modul yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran murid-murid prasekolah dan menepati objektif yang telah tetapkan dalam KSPK. Modul ini juga akan membantu guru untuk membangunkan strategi pengajaran kemahiran membaca yang berkesan dan memberi panduan untuk melaksanakannya dengan lebih efektif.

#### 4.2.3 Teori Friedrich Froebal (1837)



**Rajah 5.** Konsep belajar melalui bermain berlandaskan Teori Friedrich Froebal

*Friedrich Froebal* merupakan seorang tokoh terkemuka dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak yang berasal dari Jerman telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan sistem pendidikan awal kanak-kanak. *Friedrich Froebal* pada tahun 1782 hingga 1852, sangat mementingkan konsep "taman murid-murid" berdasarkan dari pengajiannya di bawah Pestalozzi. Beliau menegaskan bahawa, semua elemen dalam dunia bekerja ke arah pencapaian tujuan Tuhan dan akibatnya, setiap individu mempunyai dorongan yang wujud untuk memenuhi tujuan ini. Dalam rangka kerja ini, *Friedrich* percaya bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam membimbing individu ke arah mengenali dan menerima diri mereka yang tulen, di samping memupuk hubungan yang harmoni dengan alam semula jadi dan ketuhanan [20].


Rajah 5 menjelaskan bagaimana Friedrich Froebel menekankan kepentingan belajar melalui bermain dan percaya bahawa bermain harus disepakati dalam pendidikan sebagai cara untuk kanak-kanak meniru kehidupan dewasa. Beliau turut memberi amaran terhadap permainan tidak berstruktur tanpa bimbingan guru kerana boleh membawa kepada pembelajaran yang tidak betul. Friedrich Froebel *percaya* bahawa guru harus membimbing dan mengarahkan permainan kanak-kanak untuk memupuk kreativiti dan akhirnya mewujudkan kurikulum prasekolah yang lebih teratur. *Friedrich Froebel* juga telah membangunkan sistem pendidikan awal kanak-kanak yang berpusat pada idea bahawa kanak-kanak belajar dengan terbaik melalui bermain. Beliau percaya bahawa, bermain adalah penting untuk kanak-kanak belajar dan permainan yang sesuai boleh membantu kanak-kanak berfikir dan menikmati diri sendiri. Friedrich Froebel juga percaya bahawa pertumbuhan peribadi kanak-kanak dipengaruhi oleh pengalaman bermain mereka dan peralatan permainan yang dipilih dengan teliti adalah penting untuk menyokong perkembangan kanak-kanak. Beliau juga menggunakan pedagogi berdasarkan pengajaran berdasarkan bahan untuk memudahkan pendedahan kanak-kanak kepada pengalaman baharu, memupuk kesediaan mereka untuk memperoleh pengetahuan dan menarik minat dan penglibatan mereka. Zokhi [29] juga berpendapat bahawa pembelajaran berdasarkan permainan (PBP) dianggap sebagai alat dan kaedah yang digunakan bagi menarik minat dan memotivasi murid untuk mengambil bahagian secara aktif semasa proses PdPc berlangsung, serta meningkatkan keseronokan dan keberkesanannya sesi PdPc.

Dalam penyelidikan ini, “Modul I-Saboba” juga dibangunkan berdasarkan Teori *Friedrich Froebel* yang menekankan konsep belajar melalui bermain. Penyelidik telah menggunakan teori ini kerana ia memberi penekanan kepada aspek belajar melalui bermain. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh murid-murid perlulah mempunyai ciri-ciri bermain. Friedrich Frobel juga menerima konsep yang dikemukakan oleh Pezalozzi tentang penggunaan objek atau alat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat murid-murid. Teori ini membantu penyelidik untuk membangunkan “Modul I-Saboba” berdasarkan konsep belajar melalui bermain di mana murid-murid menguasai kemahiran membaca melalui bermain. Konsep permainan ini akan dijalankan semasa fasa pelaksanaan dan penilaian modul seperti menyebut huruf, membunyikan suka kata dan membaca perkataan melalui aktiviti permainan.

#### 4.3.1 Model Reka Bentuk Pengajaran

##### 4.3.1.1 Model Addie

Model ADDIE diperkenalkan oleh Rosset pada tahun 1987 [21]. Model ini berfungsi sebagai rangka kerja reka bentuk yang menyediakan panduan untuk pembangunan perisian dan bahan pendidikan yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus. Model ini digunakan sebagai rangka kerja asas untuk membangunkan model reka bentuk pengajaran yang lain. Model ADDIE adalah prosedur generik yang diubahsuai sebelum pelaksanaannya. Objektif Model ADDIE digunakan adalah untuk menghasilkan rancangan PdPc dan bahan-bahan PdPc bagi meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan penyampaian sesuatu pembelajaran. Model Pengajaran ADDIE merangkumi peringkat “Analisis”, “Reka bentuk”, “Pembangunan”, “Pelaksanaan” dan “Penilaian” seperti yang ditunjukkan di rajah 6.



**Rajah 6.** Model ADDIE [21]

Berdasarkan rajah 6, di peringkat fasa analisis, pelbagai proses dijalankan untuk memastikan dan menggambarkan masalah yang memerlukan penyelesaian. Setelah mengenal pasti masalah, prosedur analisis kemudiannya dilaksanakan untuk mengenal pasti punca asas atau faktor penyumbang yang bertanggungjawab untuk kejadianya. Dalam peringkat ini, objektif merangkumi penjelasan isu, menentukan asal usulnya dan mewujudkan penyelesaian. Kaedah penyelidikan yang digunakan semasa fasa ini akan merangkumi analisis keperluan, kerja dan tugas. Kesemua output ini kemudiannya akan digunakan sebagai input dalam fasa reka bentuk [21].

Selanjutnya, fasa reka bentuk akan dilaksanakan selepas selesaiannya prosedur analisis keperluan. Dalam fasa ini, akan diterangkan penjelasan pandangan keseluruhan mengenai reka bentuk, struktur, pendekatan teori, jenis teknologi dan media yang akan digunakan. Fasa reka bentuk mempunyai kepentingan dalam menyusun strategi pembangunan kaedah pengajaran dan mewujudkan cara untuk mencapai objektif PdPc. Komponen utama dalam fasa ini termasuklah mengenali populasi dan sampel penyelidikan, menjalankan analisis menyeluruh terhadap proses pembelajaran, merumuskan objektif pembelajaran dan pemudahcaraan serta bahan penilaian, memilih sistem penyampaian yang sesuai, dan menyusun keseluruhan rangka kerja PdPc [21].

Semasa fasa pembangunan ini, sesuatu modul atau perisian yang dihasilkan dengan menggabungkan komponen media dan teknologi yang dipilih mengikut keperluan yang dikenal pasti. Ia akan dibina mengikut peringkat analisis dan reka bentuk serta fasa ini bertujuan untuk menghasilkan rancangan pengajaran dan bahan-bahan pembelajaran. Dalam fasa ini juga, strategi pengajaran, media pengajaran dan dokumen penting lain akan digubal. Hasil daripada fasa reka bentuk, ia berfungsi sebagai input dalam fasa pembangunan. Penciptaan projek multimedia akan mematuhi keperluan yang ditetapkan dan menjalani ujian menyeluruh untuk memastikan keselarasan dan kefungsian optimum [21].

Semasa fasa pelaksanaan, bahan yang telah dihasilkan akan diuji dalam suasana sebenar. Bahan yang dihasilkan akan digunakan oleh sampel kajian rintis untuk mengesan sebarang

kelemahan yang dihadapi semasa pembangunan projek. Sekiranya berlaku ralat, pembetulan yang diperlukan akan dilakukan sebelum ia digunakan terhadap sampel sebenar [21].

Pada fasa akhir iaitu fasa penilaian, terdapat dua komponen penilaian yang akan dibuat iaitu penilaian formatif dan sumatif. Penilaian formatif merangkumi setiap peringkat dalam proses model ADDIE. Proses ini dilihat sangat penting untuk menjalankan penilaian formatif bagi setiap langkah untuk memastikan keberkesanannya. Proses penilaian sumatif terutamanya terdiri daripada menggunakan metodologi ujian yang disasarkan untuk mengumpulkan maklum balas sampel penyelidikan mengenai pelbagai aspek bahan pengajaran, termasuk kandungan, strategi pengajaran dan elemen multimedia. Maklum balas ini dikumpulkan melalui kaedah seperti temu bual, soal selidik, penyeliaan dan ujian. Penilaian sumatif pula lazimnya akan dijalankan menjelang akhir projek penghasilan bahan pengajaran [21].

Proses pembinaan “Modul I-Saboba” adalah berpandukan kepada model reka bentuk instruksional ADDIE. “Modul I-Saboba” yang dirangka adalah berdasarkan lima langkah yang merangkumi dalam model ADDIE iaitu Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembinaan (*Development*), Pelaksanaan (*Implementation*) dan Penilaian (*Evaluation*). Penyelidik terdahulu iaitu Fong [10], Roslin dan Adenan [11] dan Bacotang *et al.*, [22] telah berjaya menonjolkan kesan positif model ADDIE dalam penciptaan modul PdPc yang dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca. Bermula dari peringkat analisis awal, keperluan pembangunan modul dan objektif kajian dinilai dengan teliti, seterusnya kepada fasa reka bentuk yang menggabungkan visual yang menawan, elemen interaktif dan kandungan yang menarik serta setiap aspek direka dengan teliti untuk merangsang dan menarik minat murid-murid. Peringkat pembangunan yang melibatkan penciptaan teliti dengan grafik visual yang menakjubkan dan navigasi mesra pengguna akan dapat meningkatkan lagi keberkesanannya modul. Pelaksanaan modul disertakan dengan teknik penyampaian yang menyeluruh dan dinamik seperti perbincangan interaktif, aktiviti *hands-on* akan mengukuhkan lagi pemahaman dan menggalakkan penyertaan aktif murid. Pada tahap penilaian terakhir, penggunaan sistem penilaian yang komprehensif diperlukan, yang melibatkan pelbagai kaedah penilaian seperti kuiz, tugasan, dan penilaian prestasi, bertujuan untuk mengukur pencapaian murid secara teliti.


Pembangunan modul menjadi lebih komprehensif dan teratur selepas menggabungkan semua peringkat model ADDIE. Model ADDIE ialah proses reka bentuk pengajaran kitaran, kerana ia melibatkan pelbagai peringkat yang dikaji semula secara berterusan berdasarkan penilaian formatif yang dijalankan pada setiap peringkat. Ini menunjukkan bahawa, hasil yang dicapai dalam satu peringkat berfungsi sebagai asas untuk peringkat seterusnya akan mewujudkan perkembangan yang lancar sepanjang proses reka bentuk [23].

Oleh yang demikian, “Modul I-Saboba” dibangunkan berdasarkan Model ADDIE. Dalam fasa analisis, penyelidik akan mengenal pasti keperluan terhadap pembangunan “Modul I-Saboba” dalam penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid prasekolah menggunakan pendekatan kualitatif. Pada fasa reka bentuk penyelidik menetapkan reka bentuk dan kandungan “Modul I-Saboba” mengikut teori pembelajaran, KSPK, cadangan dan idea yang diberikan oleh sampel kajian dalam peringkat analisis keperluan. Seterusnya, pada fasa pembangunan, penyelidik membangunkan “Modul I-Saboba” mengikut reka bentuk dan kandungan yang dipersetujui dan menjalankan kesahan kandungan modul serta menjalankan kajian rintis untuk memastikan modul yang dibangunkan sesuai untuk digunakan kepada sampel sebenar. Pada fasa pelaksanaan, sampel penyelidikan terpilih akan dibahagi kepada kumpulan kawalan dan kumpulan kawalan mengikuti ciri persampelan yang ditentukan. Kedua-dua kumpulan akan menjalani ujian pra dan kumpulan kawalan akan mengikuti pengajaran tradisional manakala kumpulan kawalan akan mengikuti pengajaran berpandukan “Modul I-Saboba”. Pada fasa penilaian, penyelidik akan menjalankan

ujian pasca terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan untuk menentukan keberkesanan “Modul I-Saboba”.

#### 4.3 Model Pemprosesan Membaca Bottom Up (Goodman, 1968)

Model *Bottom-Up* merupakan salah satu model khusus yang telah dikaji secara meluas oleh beberapa penyelidik termasuklah Kavanagh *et al.*, [24] dan Gough [25] yang diiktiraf sebagai tokoh utama model ini. Model *Bottom-Up* adalah pemerolehan kemahiran membaca bermula dengan pengecaman huruf individu (*fonem*) yang membentuk struktur perkataan. Kemudian, pembaca akan mengenal pasti perkataan dalam struktur ayat dan akhirnya memberikan makna kepada teks dengan melihat hubungan sintaksis dan semantik. Pendekatan berperingkat ini adalah bertujuan untuk penguasaan membaca yang memerlukan tumpuan awal pada ciri-ciri huruf. Setiap huruf, dengan fungsi dan fonologinya yang unik, akan menyumbang kepada pemahaman perkataan yang dibina. Oleh itu, pembaca mesti menilai terlebih dahulu sifat-sifat huruf sebelum menggabungkannya untuk memilih corak ejaan yang sesuai. Penggabungan huruf dalam proses ejaan akan menghasilkan struktur perkataan yang bermakna, diikuti dengan pembinaan ayat, perenggan dan keseluruhan teks pembaca. Secara umumnya, istilah “*bottom-up*” merujuk kepada rangka kerja konseptual iaitu dari bawah ke atas. Peringkat dalam Model *Bottom-Up* telah dinyatakan dalam gambar rajah 7.



**Rajah 7.** Model *Bottom-Up*

Berdasarkan rajah 7, Model *Bottom-Up* menggambarkan bahawa pemerolehan kecekapan membaca berlaku secara berperingkat dan berurutan. Pada permulaannya, murid akan menguasai kemahiran membaca dengan mengenali dan mentafsir huruf-huruf. Peringkat seterusnya melibatkan pemahaman perkataan dalam struktur ayat dengan mengaitkan huruf dengan pola ejaan yang sepadan. Proses perkembangan ini kemudiannya melibatkan pemahaman ayat yang lebih pendek sebelum mencapai pemahaman perenggan yang lebih kompleks, terdiri daripada ayat yang lebih panjang. Akhirnya, murid-murid akan mencapai keupayaan untuk membaca teks yang lengkap dan memahami makna asasnya.

Dalam pembangunan “Modul I-Saboba”, penyelidik akan mengaplikasikan Model *Bottom-Up* dengan menitikberatkan pada pengenalan dan pengenalpastian huruf, membunyikan suku kata, dan penguasaan perkataan suku kata terbuka dan tertutup. “Modul I-Saboba” disusun secara berperingkat, yang dimulai dengan mengecam huruf, diikuti dengan membunyikan suku kata

tertutup dan terbuka, serta akhirnya membaca perkataan suku kata terbuka dan tertutup mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Malaysia (KSPK).

Penyelidik memilih untuk menggunakan model ini kerana dianggap sesuai untuk diterapkan kepada murid-murid prasekolah. Model ini juga selari dengan konsep KSPK yang menekankan pengenalan huruf sebagai langkah awal dalam pembelajaran. Bagi meningkatkan kemampuan membaca, penting bagi murid-murid memiliki kemampuan mengenal pasti dan mengecam huruf sebelum melangkah ke tahap berikutnya. Ini menunjukkan bahawa, pada tahap awal pembelajaran membaca, murid-murid perlulah mengenali huruf-huruf terlebih dahulu. Setelah itu, mereka dapat meneruskan ke tahap selanjutnya seperti membunyikan suku kata tertutup dan terbuka, membaca dan memahami perkataan. Melalui perkembangan ini, murid-murid akan memperoleh kemampuan untuk memahami makna keseluruhan teks dengan memberi takrifan kepada setiap kata di dalamnya. Oleh kerana itu, model ini digunakan dalam pembangunan “Modul I-Saboba” bagi membantu murid-murid prasekolah menguasai kemampuan membaca dengan lebih sistematik dan teratur.

#### 4.3.1 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

##### Jadual 1

Standard kandungan dan standard pembelajaran


##### BM 2.0 KEMAHIRAN MEMBACA

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran
BM 2.2 Mengenal huruf abjad	BM 2.2.1 Mengenal pasti abjad (4+) BM 2.2.2 Menyebut dan membunyikan huruf vokal (4+) BM 2.2.3 Mengenal pasti dan menyebut huruf kecil dan besar (5+)
BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan	BM 2.3.1 Membunyikan suku kata terbuka (4+) BM 2.3.2 Membunyikan suku kata tertutup (4+) BM 2.3.3 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka: (+5) i. KV+KV ii. KV+KV+KV BM 2.3.4 Membaca perkataan dengan suku kata tertutup:(+5) i. KVK ii. V+KV iii. V+VVK iv. KV+VVK

Dalam konteks penyelidikan ini, kemahiran membaca difokuskan kepada dua standard kandungan dan standard pembelajaran di bawah tunjang komunikasi yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) seperti yang tertera dalam Jadual 1. Penyelidik telah memilih standard kandungan “BM 2.2 Mengenal huruf abjad”, yang mengandungi standard pembelajaran “BM 2.2.1 Mengenal pasti abjad”, di mana murid-murid dapat menyebut huruf vokal dan konsonan secara rawak, “BM 2.2.2 Menyebut huruf dan membunyikan huruf vokal”, iaitu mengecam dan membunyikan huruf a, e, i, o, u serta “BM 2.2.3 Mengenal pasti dan menyebut huruf kecil dan besar” secara urutan dan secara rawak. Selanjutnya, dalam standard kandungan “BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan”, penyelidik telah memilih standard pembelajaran “BM 2.3.1 Membunyikan suku kata terbuka”, “BM 2.3.2 Membunyikan suku kata tertutup” dan “BM 2.3.3 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka”, seperti suku kata KV+KV dan suku kata KV+KV+KV, sementara dalam standard pembelajaran “BM 2.3.4 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup”, iaitu KVK, V+KV, V+VVK dan KV+VVK. “Modul I-Saboba” dibangunkan berdasarkan standard kandungan dan standard pembelajaran yang dipilih oleh penyelidik mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sebagaimana terperinci dalam Jadual 1.

## 5. Pembentukan Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual merujuk kepada rangka kerja penyelidikan yang komprehensif dan terperinci yang menggariskan gambaran keseluruhan skop dan pelaksanaan suatu penyelidikan [27]. Kerangka konseptual penyelidikan memberikan panduan dan kelebihan kepada penyelidik dengan membantu mereka membina kerangka konsep yang berkaitan dengan fenomena atau isu yang dikaji. Kerangka konseptual penyelidikan juga dianggap sebagai salah satu cara yang mudah bagi penyelidik untuk menjelaskan fokus utama dalam penyelidikan yang dijalankan [26]. Rajah 8 menunjukkan kerangka konseptual penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik dalam penyelidikan ini.



**Rajah 8.** Kerangka konseptual

Berdasarkan kerangka konseptual penyelidikan yang telah dibina dalam rajah 8, penyelidik akan menggunakan Teori Pembelajaran *Vygotsky*, Teori *Friedrich Froebel*, Teori Pembelajaran *Gagne* dan Model Pemprosesan Membaca *Bottom up* dengan berpandukan Model Addie untuk membangunkan “Modul I-Saboba” yang bertunjangkan kepada komunikasi iaitu bahasa Melayu dalam konteks kemahiran mengecam dan mengenal huruf, membunyikan suku kata dan membaca perkataan dengan sebutan yang betul serta memahami makna perkataan tersebut. Teori Pembelajaran *Vygotsky* juga turut memberi penekanan dalam pembangunan modul ini kerana *Vygotsky* telah membangunkan satu konsep zon perkembangan proksimal (ZPD) iaitu jurang antara apa yang murid-murid boleh lakukan dengan bantuan dan apa yang murid-murid boleh lakukan dengan tanpa bantuan. Menurut *Vygotsky*, murid-murid lebih cenderung untuk meniru orang dewasa dan secara progresif memperoleh keupayaan untuk menyelesaikan tugas-tugas tertentu secara bebas. Oleh itu, dapat mengurangkan pergantungan mereka kepada bantuan atau sokongan daripada orang lain [28].

*Scaffolding* adalah proses di mana guru atau rakan sebaya kepada individu yang beroperasi dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) mereka. Bantuan akan diberikan secara berterusan sehingga suatu tahap di mana murid mampu menyelesaikan tugas secara bebas, dengan itu menghapuskan keperluan untuk bimbingan selanjutnya. Dalam penyelidikan ini, “Modul I-Saboba” dibangunkan bertujuan untuk dijadikan panduan kepada guru-guru dalam membimbing murid-murid prasekolah menguasai kemahiran membaca dengan lebih efektif dalam suasana PdPc yang menyeronokkan. Sungguhpun begitu, teori ini tidak menumpukan kepada hasil pembelajaran murid. Oleh sebab ini, Teori Pembelajaran Kognitif Gagne dipilih sebagai teori kedua dalam pembangunan modul. Seperti yang dijelaskan oleh *Gagne*, pembelajaran merupakan perubahan yang perlu dikenalkan dalam satu tempoh tertentu. Mendapatkan perhatian, menetapkan objektif pembelajaran, meningkatkan pengetahuan murid, membentangkan bahan, menyediakan bimbingan dalam pembelajaran, mempamerkan prestasi, memberikan maklum balas, menilai prestasi dan meningkatkan pengekalan dan pemindahan adalah sembilan langkah pengajaran yang berkesan oleh Teori Robert Gagne [35]. Sesebuah modul pengajaran yang dibangunkan perlu menjalani langkah-langkah tersebut untuk menghasilkan modul yang berkesan.

Tambahan lagi, kerangka konseptual penyelidikan ini dibentuk berdasarkan Teori Friedrich Froebel yang menekankan konsep belajar melalui bermain. Penyelidik menggunakan teori ini kerana ia dapat memberi penekanan terhadap konsep belajar melalui bermain. Sumbangan *Friedrich Froebel* yang paling ketara kepada pendidikan awal kanak-kanak adalah konsep belajar melalui bermain. Ia di lihat salah satu pendekatan penting dalam pendidikan awal kanak-kanak. Teori tersebut menyatakan bahawa, aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh murid-murid perlu mempunyai ciri-ciri bermain. “Modul I-Saboba” akan memberi peluang kepada murid-murid prasekolah untuk menguasai kemahiran membaca melalui aktiviti permainan dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

Proses pembinaan “Modul I-Saboba” adalah berpandukan pada model reka bentuk instruksional ADDIE. “Modul I-Saboba” dirangka berdasarkan lima langkah yang merangkumi dalam model ADDIE iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembinaan (*development*), pelaksanaan (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*).

Model *Bottom-Up* yang mempunyai peringkat mengikut turutan telah diintegrasikan dalam pembangunan “Modul I-Saboba” untuk berfokus kepada pembelajaran yang mudah ke sukar seperti mengecam dan menyebut huruf vokal dan konsonan dalam siri 1, membunyikan suku kata terbuka dan tertutup dalam siri 2 dan mengeja dan membaca perkataan suku kata terbuka dan tertutup dalam siri 3 supaya tidak membebankan murid-murid dalam aspek memberi input yang terlalu banyak pada masa yang sama.

Secara keseluruhannya, rajah 8 telah menunjukkan kerangka konseptual penyelidikan yang menjelaskan Teori Sosiobudaya *Vygotsky*, Teori Kognitif *Gagne*, Teori *Friedrich Froebel* dan Model Pemprosesan Membaca *Bottom-Up* yang digabungkan dengan berpandukan peringkat Model ADDIE dalam pembangunan “Modul I-Saboba”. Modul yang dibangunkan akan diuji untuk menilai keberkesanannya terhadap penguasaan kemahiran membaca murid-murid prasekolah SJKT.

## 6. Kesimpulan

Pembangunan modul pengajaran kemahiran membaca dengan berintegrasikan konsep belajar melalui bermain, teknologi terkini, dalam pembelajaran teradun dibina berpandukan peringkat model ADDIE. Kelemahan dalam penguasaan membaca dalam kalangan murid akan menghalang kecemerlangan mereka dalam mata pelajaran bahasa Melayu, seterusnya menjelaskan motivasi dan potensi mereka menguasai kemahiran lain dalam bahasa Melayu. Kelemahan ini boleh memberi

kesan yang melambung pada prestasi akademik secara keseluruhan dan masa depan mereka. Pada masa yang sama, bahasa Melayu juga merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara yang harus dikuasai oleh semua lapisan murid. Dalam proses menambah baik pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif, adalah penting untuk memberi perhatian yang lebih terhadapnya pada masa kini.

“Modul I-Saboba” merupakan inisiatif yang revolusioner dalam bidang pendidikan, yang bertujuan untuk membawa perubahan dalam cara pengajaran dan pembelajaran tradisional. Modul ini memperkenalkan pendekatan pembelajaran digital, yang selaras dengan perubahan ke arah norma baru. Dalam era digital ini juga, keperluan pembelajaran digital dilihat sebagai satu inisiatif dalam melahirkan masyarakat yang cekap digital dan berdaya saing. “Modul I-Saboba” memenuhi keperluan pembelajaran teradun dalam sistem pendidikan kerana modul ini juga akan dibangunkan dalam aplikasi mudah alih untuk memastikan bahawa murid-murid tidak hanya bergantung kepada modul fizikal di sekolah, tetapi boleh mengikuti pembelajaran dalam talian dengan bantuan ibu bapa. “Modul I-Saboba” berbentuk aplikasi mudah alih juga diintegrasikan dengan permainan digital seperti gamifikasi sebagai langkah menarik minat murid-murid untuk membaca. Adaptasi kepada norma baru ini bukan sahaja memerlukan perubahan dalam cara pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga memerlukan perubahan dalam sikap dan persepsi terhadap pendidikan. “Modul I-Saboba” secara tidak langsung dapat membantu dalam proses adaptasi ini dengan menyediakan platfrom yang memudahkan transisi dari pengajaran tradisional ke pengajaran digital.

Secara keseluruhannya, “Modul I-Saboba” boleh digunakan dalam pendidikan awal kanak-kanak sebagai salah satu langkah penting ke arah memperkasa bahasa Melayu dan pendidikan digital di Malaysia. Dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi terkini, modul ini berpotensi untuk membawa perubahan positif dalam cara mengajar dan belajar, dan seterusnya membantu untuk meningkatkan kemahiran membaca pada tahap yang lebih memberangsangkan. Modul ini juga menunjukkan bahawa pendidikan perlu berubah dan berkembang mengikut keperluan masa, dan semua lapisan masyarakat mempunyai peranan penting dalam membentuk masa depan pendidikan.

## Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang menaja yuran pengajian. Penyelidik juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia Dr. Anis Norma Binti Mohamad Jaafar atas bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

## Rujukan

- [1] Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [2] Organisation for Economic Co-operation and Development. *Literacy, numeracy and problem solving in technology-rich environments: Framework for the OECD survey of adult skills*. Paris: OECD Publishing, 2012. <https://doi.org/10.1787/9789264128859-en>.
- [3] Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [4] Balanadam, Jayaganes, and Khairul Azhar Jamaluddin. "Isu dan Cabaran dalam Kemahiran Membaca Dikalangan Murid Sekolah Rendah di Malaysia." *Jurnal Dunia Pendidikan* 3, no. 4 (2021): 127-135. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.11>
- [5] Jamian, Abdul Rasid. "Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar." *Jurnal pendidikan bahasa melayu* 1, no. 1 (2021): 1-12.
- [6] Okeke, Ikedimma Nwabufo. "MUSIC STUDENTS' UNPRECEDENTED APATHY TO STUDIES: THE NNAMDI AZIKIWE UNIVERSITY EXPERIENCE." *NIGERIAN JOURNAL OF ARTS AND HUMANITIES (NJAH)* 3, no. 2 (2023).

- [7] Husin, Nurhidayah Mat, and Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. "Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Tahun 1 di SJKC dari Perspektif Guru." *Jurnal Dunia Pendidikan* 5, no. 1 (2023): 279-292. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.23>
- [8] Husin, Nurhidayah Mat, and Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. "Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Tahun 1 di SJKC dari Perspektif Guru." *Jurnal Dunia Pendidikan* 5, no. 1 (2023): 279-292. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.23>
- [9] Baharudin, H. H., and A. H. Masnan. "Children's Reading Game Module Using Android Technology Applications." *Advancements in Learning and Instruction* (2022): 17. <https://doi.org/10.52305/WUPF8356>
- [10] Fong, T. Y. (2022). "Pembangunan dan Penilaian Modul membaca Awal Menggunakan Kaedah Fonik Bahasa Melayu di Praskolah Aliran Cina". Ph.D. tesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris di UPSI Digital Repository (UDRep), <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=9538>
- [11] Roslin, F., and A. Adenan. "Pembangunan modul baca-tulis digital Bahasa Melayu untuk murid-murid prasekolah dengan pendekatan model ADDIE." *Jurnal Psikologi Dan Pembangunan Manusia (JPHUM)* 2, no. 2 (2019): 20-40.
- [12] Bacotang, Juppri, Mohamed Isa, Zainiah, and Che Mustafa, Mazlina. (2018). "Kesan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) Terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Mengikut Umur Kanak-kanak". In *Symposium Kebangsaan Kanak-kanak dan Keluarga*, Malaysia, 2018, 168-178. Malaysia: Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS, Kota Kinabalu, Sabah.
- [13] Nagasundram, Usha, and Vijayaletchumy Subramaniam. "Strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK (T) Batu Caves, Selangor." *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 7, no. 2 (2019): 130-151.
- [14] Mat Rabi, Norziana, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, dan Norfishah Mat Rabi. (2020). "Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah: The Application of Higher Order Thinking Skills Elements in Malay Language Standard Six Textbook". *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 10 (2), 57-67. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4373>.
- [15] Smolucha, L., dan Smolucha, F. (2021). "Vygotsky's theory in-play: Early Childhood Education". *Early Child Development and Care*, 191 (7-8), 1041-1055.
- [16] Veraksa, Aleksander, Daria Bukhalenkova, Natalia Kartushina, and Ekaterina Oshchepkova. "Language development and executive functions in Russian 5-7-year-old children: A longitudinal study." In *Child Development in Russia: Perspectives from an international longitudinal study*, pp. 37-65. Cham: Springer International Publishing, 2022.
- [17] Åkerblom, Annika, and Kristina Thorshag. "Preschoolers' use and exploration of concepts related to scientific phenomena in preschool." *Journal of Childhood, Education & Society* 2, no. 3 (2021): 287-302. <https://doi.org/10.37291/2717638X.202123115>
- [18] Baharudin, Haiza Hayati, Abdul Halim Masnan, and Azizah Zain. "Learning Module Development using Android Technology Application based on Interactive White Board on Preschool Reading Proficiency: Theoretical framework review: Pembangunan Modul Pembelajaran menggunakan Aplikasi Teknologi Android berdasarkan Papan Putih Interaktif terhadap Kemahiran Membaca Kanak-kanak Prasekolah: Ulasan kerangka teori." *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 14, no. 1 (2021): 1-14. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.1.2021>
- [19] Behzadaval, Bahareh, and Mahdi Vahedi. "The role of instructional design in music education." In *International Conference on Research in Teaching and Education*, Vienna, Austria, pp. 21-23. 2019.
- [20] Ahmetoğlu, E., dan İldiz, G. I. (2018). *The Friedrich Froebel Approach*. UK: Cambridge Scholars Publishing.
- [21] Rossett, A. (1987). *Training Needs Assessment*. United States of America: Educational Technology.
- [22] Bacotang, Juppri, and Zainiah Mohamed Isa. "Aplikasi model ADDIE dalam pembangunan modul awal literasi (Modul A-Lit) untuk kanak-kanak TASKA." In *1st International Teacher Education Conference on Teaching Practice (ITECTP)*, pp. 8-10. 2016.
- [23] Bacotang, Juppri, Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustafa, Mahzan Arshad, and Ainon Omar. "Aplikasi Model ADDIE dalam pembangunan Modul Literasi Awal (Modul Lit-A) untuk awal kanak-kanak." *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 9, no. 2 (2016): 1-10.
- [24] Kavanagh, James F., and Ignatius G. Mattingly. *Language by ear and by eye; the relationships between speech and reading*. Mit Press, 1972.
- [25] Gough, P. B. (1985). One second of reading. Dlm: H. Singer & R. B. Ruddell. (Pnyt.). Theoretical models and processes of reading (661-86). Newark, DE: International Reading Association.
- [26] Grant, C., and A. Osanloo. "Understanding, selecting, and integrating a theoretical framework in dissertation research: Developing a "blueprint" for your house. *Administrative Issues Journal Education Practice and Research*, 4 (2), 12–26." (2014). <https://doi.org/10.5929/2014.4.2.9>

- [27] Ghazali Darusalam, dan Sufean Hussin. (2018). Kerangka Konseptual dan Teoretikal Penyelidikan. In Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Penyelidikan (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [28] Veer, R., dan Smelser, N. J., Balters, B. P. (2001). "Vygotskij, Lev Semenovic (1896-1934)". *International encyclopedia of the social and behavioral sciences*, 16335-16339. <http://dx.doi.org/10.1016/B978-0-08-097086-8.61134-0>
- [29] Zokhi, Aini Nurrasyidah Md. "Aplikasi Inovasi Q-Track Kit Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Modul Teoritikal: Innovative Application of Q-Track Kit in the Teaching and Learning Process for Theoretical Modules." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 27, no. 1 (2022): 20-29.
- [30] Jie, C. Y., and N. Mat Ali. "COVID-19: What are the challenges of online learning? A literature review." *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education* 23, no. 1 (2021): 23-29.
- [31] Ching, Chee Sook, Mahzan Arshad, and Adenan Ayob. "Penilaian semula pengajaran dan pembelajaran dalam pembacaan awal." *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3, no. 10 (2018): 1-8.
- [32] Wolf, G. M. (2023). Beginning Reading Instruction: Application of Theory and Research to Practice. *International Journal of Linguistics* 15 (2), 1-24. <https://doi.org/10.5296/ijl.v15i2.20909>
- [33] Sestoso, Mariel B., Myca Faith A. Gerona, Jamela Rose D. Alasa, Mervin Q. Reyes, and Gengen G. Padillo. "Experiences of Parents and Teachers in Teaching Reading Fluency Among Grade One Learners in Distance Education." *Journal for ReAttach Therapy and Developmental Diversities* 6, no. 9s (2023): 1332-1339.
- [34] Markandan, Nagalaxmy, Kamisah Osman, and Lilia Halim. "Integrating computational thinking and empowering metacognitive awareness in STEM education." *Frontiers in Psychology* 13 (2022): 872593. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.872593>
- [35] Gagne, Ellen, D. 1985. The Cognitive Psychology of School Learning. Boston: Little, Brown & Company